



**KEMENTERIAN PERUMAHAN  
DAN KERAJAAN TEMPATAN**  
Unit Komunikasi Korporat  
Aras 2, No. 51, Persiaran Perdana  
Presint 4, 62100 PUTRAJAYA  
MALAYSIA

Tel : 03 8891 5564  
Faks : 03 8891 5557  
Laman Web : [www.kpkt.gov.my](http://www.kpkt.gov.my)  
Email : [media.ukk@kpkt.gov.my](mailto:media.ukk@kpkt.gov.my)  
Twitter : @kpkt\_gov  
Facebook/ : KPKT Malaysia

---

Rujukan kami : KPKT/BPK/19/7/4 Klt.46 (31)  
Tarikh : 22 Jun 2021

## SIARAN MEDIA

---

### MAJLIS PELANCARAN BUKU "*SMART CITY HANDBOOK: MALAYSIA*" OLEH YB MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN

---

**PUTRAJAYA, 22 JUN 2021** – YB Datuk Hajah Zuraida Kamaruddin, Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan Malaysia (KPKT) telah menyempurnakan Majlis Pelancaran Buku "*Smart City Handbook : Malaysia*" secara dalam talian. Ia merupakan hasil daripada perkongsian maklumat di antara Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) dengan Kerajaan United Kingdom (UK). Majlis ini turut dihadiri oleh H.E. Charles Hay, TYT Pesuruhjaya Tinggi British di Malaysia.

Penerbitan "*Smart City Handbook : Malaysia*" merupakan inisiatif bagi menyediakan panduan dalam merangka strategi, merancang dan melaksanakan pembangunan bandar pintar melalui perkongsian amalan terbaik dari UK serta peluang untuk mewujudkan jaringan kolaborasi di pelbagai peringkat. Dokumen ini juga merupakan salah satu usaha Kerajaan Malaysia dalam merencanakan pembangunan bandar pintar di Malaysia.

KPKT juga telah membangunkan Rangka Kerja Bandar Pintar Malaysia yang berperanan sebagai panduan asas dan rujukan kepada Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) dan agensi pelaksana lain untuk melaksanakan inisiatif bandar pintar masing-masing. Pembangunan bandar pintar merupakan salah satu agenda nasional yang akan terus diurusperdanakan di bawah Rancangan Malaysia Kedua Belas. Pembangunan bandar pintar ini juga dikenal pasti sebagai salah satu strategi untuk memastikan Malaysia terus membangun melalui amalan teknologi terbaik dan mampan serta kekal kompetitif dalam mendepani isu seperti pandemik Covid-19.

Sehingga kini di bawah Rangka Kerja Bandar Pintar Malaysia; bandar seperti Kuala Lumpur, Putrajaya, Cyberjaya, Johor Bahru, Kota Kinabalu, Melaka, Pulau Pinang, Ipoh dan Kulim merupakan antara bandar-bandar di Malaysia yang aktif dan terkehadapan dari segi perancangan dan pembangunan bandar pintar. Kepakaran, pengalaman dan cabaran dalam melaksanakan inisiatif bandar pintar di bandar-bandar tersebut boleh dikongsi bersama bandar-bandar lain dalam usaha merencanakan inisiatif bandar pintar Negara.

Transformasi ke arah bandar yang pintar dan mampan memerlukan satu usaha berterusan dan komitmen yang tinggi daripada agensi-agensi Kerajaan Persekutuan, Kerajaan Negeri, Kerajaan Tempatan, pihak swasta, agensi-agensi bukan Kerajaan dan para pelabur. Justeru, KPKT akan terus berperanan sebagai penyelarasan dan pemudah cara kepada pelaksanaan bandar pintar di samping sentiasa memberi gambaran peluang yang ada di negara ini. Dalam hal ini, KPKT mengalu-alukan penyertaan pelabur dari dalam dan luar negara untuk bersama-sama membangunkan bandar pintar Malaysia demi meningkatkan kualiti hidup rakyat.

**-TAMAT-**

---

*Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) yang diterajui oleh YB Datuk Hajah Zuraida Kamaruddin selaku Menteri terdiri daripada lapan Jabatan/agensi kerajaan iaitu 1. Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia, 2. Jabatan Perumahan Negara, 3. Jabatan Kerajaan Tempatan, 4. Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal Negara, 5. PlanMalaysia, 6. Jabatan Lanskap Negara, 7. Tribunal Perumahan dan Pengurusan Strata dan 8. Institut Latihan Perumahan dan Kerajaan Tempatan. Agensi lain di bawah KPKT ialah Solid Waste Corporation Malaysia (SWCorp), Urbanice Malaysia, Syarikat Perumahan Negara Berhad (SPNB) dan Perbadanan PRIMA Malaysia.*

*Dikeluarkan Oleh : Unit Komunikasi Korporat  
b.p. Ketua Setiausaha  
Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan  
Telefon : 03-8891 5555 | Faks : 03-8891 5557 | E-mel : [media.ukk@kpkt.gov.my](mailto:media.ukk@kpkt.gov.my)*